

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**WAKAF PENDIDIKAN TINGGI  
KAJIAN KES PENGURUSAN KOLEJ  
ISLAM MALAYA**

**MUHAMMAD HAMIZAN BIN AB HAMID**

**Tesis Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi  
Keperluan Bagi Ijazah  
Sarjana Pengajian Islam**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Mac 2018**

## **ABSTRAK**

Wakaf pendidikan tinggi merupakan aset yang penting dalam pembangunan kecemerlangan pelajar. Wakaf pendidikan tinggi menyediakan peluang dan kemudahan kepada masyarakat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sekaligus menyediakan ruang untuk umat Islam melakukan amal kebajikan. Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengurusan awal kewujudan Kolej Islam Malaya (selepas ini disebut sebagai KIM) dan ketika beroperasi. Sehubungan itu, kajian dilakukan terhadap faktor penutupan KIM dan ke mana perginya aset yang dimiliki. Seterusnya, kajian mencadangkan penambahbaikan pengurusan institusi pendidikan tinggi yang lestari. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumen yang dikumpulkan sebagai data primer. Dapatkan kajian mendapati KIM merupakan sebuah institusi pendidikan yang menjadikan wakaf sebagai aset pendanaan pendapatan dalam operasinya bagi melestarikan pendidikan tinggi. KIM menguruskan dana wakaf melalui sumbangan orang ramai, hasil sewaan, sumbangan daripada Majlis Agama Islam dan badan korporat. Namun, KIM tidak mampu dilestarikan kerana pertama terdapatnya kelemahan dalam penjanaan aset wakaf KIM ; kedua, arahan penggabungan wakaf pendidikan tinggi KIM di bawah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia ; ketiga, kelemahan mendapat sokongan bantuan derma daripada orang ramai ; keempat, kelemahan dalam perancangan jangka masa panjang ; kelima, kurangnya perhatian Majlis Agama Islam Negeri terhadap wakaf pendidikan tinggi KIM dan keenam, perancangan negara tidak melihat kepentingan wakaf pendidikan tinggi KIM. Justeru, pelaksanaan wakaf pendidikan yang dilaksanakan di KIM boleh dijadikan sebagai iktibar kepada institusi pendidikan lain dalam usaha untuk membangunkan harta wakaf. Oleh itu, model yang wujud dalam institusi wakaf ini perlulah dirancang dan dilaksanakan secara sistematis agar dapat menjadi jaminan serta pemangkin kepada sistem pembiayaan pendidikan umat Islam.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdullilah segala puji-pujian dan setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga pengkaji panjatkan ke hadrat Allah s.w.t yang telah memberikan taufiq dan hidayah serta dengan keizinanNya pengkaji dikurniakan idea, semangat, tenaga dan masa untuk menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya.

Pertamanya, sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga pengkaji dan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khusus kepada Profesor Madya Baharuddin Bin Sayin, pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, selaku penyelia kepada tesis ini yang telah banyak meluangkan masa bersama-sama pengkaji. Sebagai penyelia beliau banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat serta teguran yang membina buat pengkaji sehingga kajian ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Pengkaji juga mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Sahibul Samahah Dato' Setia Haji Mohd Tamyes Abd Wahid, Mufti Kerajaan Negeri Selangor, cik Nurhani Salwa Bt Jamluddin, Penasihat Undang-undang Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan Encik Mohd Azmi Bin Misron, Pengurus Bahagian Penyelidikan dan Pelaburan yang turut bersama-sama pengkaji berkongsi pandangan dan memberikan idea yang bernas kepada pengkaji bagi melengkapkan lagi kajian ini.

Juga tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA, khususnya Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) yang telah memberikan peluang untuk saya belajar di sini. Seterusnya kepada ibu ayah Ab Hamid Bin Haji Ahmad, isteri Amirah Shaja'ah Binti Azmi yang sentiasa mendoakan untuk keselamatan, kesihatan dan kejayaan. Serta tidak ketinggalan juga kepada adik-adik Muhammad Hazwan dan Muhammad Hamdi yang banyak memberikan sokongan dan semangat untuk terus berjaya.

Akhir kata pengkaji ingin merakamkan setulus penghargaan dan terima kasih kepada semua mereka yang mencerahkan segala bantuan dan kerjasama sepanjang kajian ini dilaksanakan. Moga segala sumbangan dan usaha ini diterima oleh Allah sebagai amal soleh.

Muhammad Hamizan Bin Ab Hamid  
No 18 Jalan Limau Manis 4/4B  
Seksyen 4 40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

## **ISI KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN EJAAN</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>

### **BAB SATU: PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Rasional	5
1.4 Penyataan Masalah	6
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Objektif Kajian	9
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Definisi Istilah	13
1.10 Penutup	15

### **BAB DUA: KONSEP DAN PENGURUSAN WAKAF**

2.1 Pendahuluan	16
2.2 Definisi Wakaf Menurut Bahasa Dan Istilah Syarak	16
2.2.1 Wakaf Dari Segi Bahasa	16
2.2.2 Wakaf Dari Segi Istilah Syarak	16
2.2.3 Pensyariatan Wakaf	18
2.2.4 Jenis-Jenis Perwakafan	21

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Wakaf merupakan satu bentuk amal jariah yang amat digalakkan khususnya dalam agama Islam. Wakaf adalah salah satu medium transaksi harta yang berpotensi membangunkan taraf sosioekonomi masyarakat dan kemajuan negara (Hasbulah, 2015). Harta wakaf dilihat sebagai salah satu sumber yang perlu dieksplorasi manfaatnya sebagai agen atau mekanisme pengagihan harta bagi umat Islam. Sepanjang sejarah, institusi wakaf telah berjaya membiayai institusi pendidikan, pembangunan masjid, perkuburan, perpustakaan, rumah kebajikan dan sebagainya (Borham, 2011).

Peranan wakaf dalam membangun dan memartabatkan institusi pendidikan tinggi sudah terbukti kemampuannya melahirkan ribuan cendekiawan terkenal di seluruh dunia terutamanya dalam pelbagai bidang keilmuan. Kejayaan ini dapat dilihat menerusi wujudnya sebuah institusi pendidikan yang bercirikan wakaf iaitu Universiti al-Azhar yang ditubuhkan pada tahun 359H bersamaan dengan 970M dan telah melahirkan golongan intelektual yang menjadi pakar rujuk masyarakat umum (Abd Latiff, 2008). Kompetensi instrumen wakaf pendidikan ini perlu diperluaskan di negara ini ke tahap yang lebih baik dengan merealisasikan wakaf pendidikan tinggi bagi melestarikan kesinambungan pendidikan yang sebelum ini hanya terbatas kepada pendidikan peringkat rendah dan menengah sahaja (Rashid dan Hussin, 2014).

Potensi wakaf khususnya untuk pembangunan pendidikan tinggi negara mampu melonjakkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Transformasi wakaf pendidikan tinggi perlu diperkasa oleh setiap institusi pendidikan bagi mewujudkan sebuah identiti institusi pendidikan yang holistik dan berupaya menuarai kecemerlangan akademik (Ya'akub, 2014). Matlamat ini adalah selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan berintergriti seterusnya dapat memberikan sumbangan kepada negara (Othman, 2013).